

ICT: Malaysia di landasan kukuh

UM 3 1 AUG 2002

KUALA LUMPUR 30 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia sudah berada di landasan yang kukuh ke arah merapatkan jurang maklumat dan digital antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, pengalaman memajukan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan pembangunan Lembah Bio yang akan datang menyediakan asas bagi Malaysia mengurangkan jurang tersebut.

“Negara ini banyak belajar dari pengalaman MSC dan dengan pembangunan Lembah Bio yang akan datang, kita percaya Malaysia sedang menuju ke arah mengatasi jurang maklumat dan digital antarabangsa,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran perkhidmatan dan identiti korporat Malaysia Debt Ventures Bhd. (MDVB) di Bangunan Bank Industri di sini hari ini.

MDVB merupakan orga-

nisasi pembiayaan hutang bagi projek-projek yang menjana pembangunan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

Agensi itu ditaja oleh Bank Kerjasama Antarabangsa Jepun (JBIC) dengan dana pinjaman berjumlah RM1.6 bilion kepada Kerajaan Malaysia.

Pada April tahun lalu, Perdana Menteri semasa membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) mengumumkan pembangunan Lembah Bio yang dicadang diwujudkan berhampiran MSC bagi menempatkan tiga institusi yang terlibat dalam penyelidikan tanaman dan haiwan.

Menurut Perdana Menteri, kejayaan Malaysia dalam ICT bergantung kepada kesediaan usahawan tempatan untuk menyahut cabaran serta tidak takut gagal dalam mencuba sesuatu yang baru.

“Kehendak untuk kejayaan seperti itulah yang akan mendorong usahawan Malaysia mengeluarkan

idea-idea baru, inovatif serta kreatif dalam apa jua bidang yang mereka berani ceburi.

“Kepada semua anak muda Malaysia, saya ingin menyatakan bahawa anda perlu lebih berani untuk mencuba sehingga ke tahap terakhir, melepasi batasan (supaya) anda mungkin menemui sesuatu yang baru yang boleh membanggakan negara,” tegas Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, penekanan kerajaan terhadap ICT dan bioteknologi dibuat secara teliti dengan pengagihan dana yang banyak setiap tahun seperti peruntukan bernilai RM7 bilion dalam RMK-8.

“Pembiayaan merupakan halangan utama kepada usahawan tempatan dan kita sedar bagi mengembangkan sektor ini, industri kewangan tempatan harus memberikan reaksi yang proaktif,” kata beliau.

Kata Perdana Menteri, beliau percaya MDVB mampu menyediakan pembiayaan yang diperlukan

oleh syarikat ICT dan sektor pertumbuhan tinggi bagi menjalankan projek membangunkan rumusan dan barangan inovatif.

“Dengan penubuhan MDVB, syarikat-syarikat itu yang berjaya mendapatkan kontrak ICT dengan nilai tambahan tinggi boleh mendapatkan pembiayaan dari dana tersebut dan seterusnya melangkah dengan lebih cepat,” ujarinya.

Perdana Menteri berkata, MDVB juga akan berusaha memindahkan pengetahuan kepada institusi kewangan dan syarikat ICT tempatan untuk membolehkan mereka berdiri sendiri.

“Sebagai sebuah institusi pembiayaan yang aktif, saya berharap MDVB bukan sekadar memberikan pinjaman tetapi juga mencari syarikat yang memerlukan pembiayaan serta mencetus projek-projek ICT dalam sektor awam dan swasta,” kata Perdana Menteri.